



UiTM@Media **2016**



Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016

AHMAD Naquiddin (kiri)
bersama rakan kongsi
syarikat MLTC.



4 anak muda
sepakat tubuh
syarikat latihan
dan bimbingan

AKTIF TAPI AKADEMIK TERJAGA

Rasa cinta terhadap dunia pengu-
capan awam, anak muda Ahmad
Naquiddin Mohamad, 23, yang kini
menuntut di Universiti Teknolo-
gi MARA (UiTM) Puncak Alam
dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda
Perakaunan nekad mengambil
risiko menubuhkan syarikat secara
perkongasian bersama beberapa
rakan pada awal tahun ini.

Menurut anak muda yang
berasal dari Tanah Merah, Kelan-
tan ini, idea penubuhan syarikat
itu muncul ketika berada di tahun
akhir pengajian apabila mereka
sudah kurang aktif dengan dunia
kepemimpinan kampus.

“Saya kini pelajar tahun akhir
dan sebelum ini banyak mem-
babitkan diri secara aktif dalam
pelbagai aktiviti kepemimpinan di
kampus sehinggalah memegang
jawatan Majlis Perwakilan Pelajar
(MPP).

“Selepas tamat tempoh meme-
gang tanggungjawab bagi jawatan
yang disandang, saya kini mem-

gang tanggungjawab bagi jawatan
yang disandang, saya kini mem-
punyai lebih banyak masa terluang
berbanding sebelum ini. Lagipun
terdapat beberapa rakan yang turut
aktif dalam kepemimpinan dan
hasil perbincangan bersama kami
mencapai kata sepakat menubu-
hkan syarikat bersama,” katanya.

NIAT INGIN BERKONGSI

Empat anak muda yang ber-
naung di bawah syarikat Minda
Luar Training and Consultancy
(MLTC) ini pada mulanya bergiat
sendiri kerana keinginan untuk
berkongsi pelbagai perkara mem-
babitkan kepemimpinan dan aka-
demik serta mengisi masa lapang.

Naquiddin berkata, fokus mere-
ka lebih tertumpu kepada kepe-
mimpinan mahasiswa dan cara
belajar yang sebenar supaya akade-
mik tetap terjaga walaupun menjadi
seorang yang aktif di universiti.

“Lagipun, saya juga pernah ber-
depan dengan situasi apabila ber-

BERSAMBUNG
DI SEBELAH





laku kesukaran menyeimbangkan belajar dengan aktiviti kampus kerana ia memerlukan komitmen yang tinggi.

"Oleh itu, penubuhan MLTC ini bertujuan membantu golongan mahasiswa untuk tidak terus ketinggalan dalam pelajaran dan pada masa sama tidak menjadi pelajar yang pasif kerana dunia selepas belajar sangat mencabar yang memerlukan pelbagai kemahiran diri," katanya.

PENGURUSAN MASA

Menurut anak muda yang menjadikan Amin Idris sebagai idola, dia tidak menafikan kesibukan ketika menyertai kepemimpinan secara tidak langsung boleh menjejaskan tahap pencapaian akademik seseorang.

"Sememangnya sukar untuk seimbangkan antara akademik dengan kepemimpinan. Namun, selepas belajar daripada pengalaman sebelum ini, bagi saya keutamaan dalam akademik lebih penting tapi pada masa yang sama tidak mengetepikan dunia kepimpinan.

"Apabila akademik diutamakan, aktiviti kepimpinan juga turut diteruskan dan bergerak seiring tanpa sebarang gangguan," katanya.

PERSEDIAAN DAN PEMBABITAN AWAL

Naquiuddin mengakui ketika zaman sekolah dia seorang yang pemalu dan kurang keyakinan diri untuk tampil ke hadapan untuk berkongsi apa-apa perkara.

Namun apabila menjejaskan kaki ke alam universiti, dia mula mengagumi kehebatan seniornya yang menyampaikan hujah di khailayak ramai sehingga membuatkan dirinya terdetik untuk menjadi seperti seniornya itu.

"Sejak itu, saya mula mengorak langkah dengan membabitkan diri dalam aktiviti kelab dan persatuan dan memegang jawatan yang biasa terlebih dulu.

"Walaupun bermula dari bawah secara perlahan-lahan tapi lama-kelamaan membangkitkan keyakinan diri untuk berhadapan dengan orang ramai dan prinsip yang saya

pegang adalah berusaha mengubah diri sendiri menjadi insan lebih berjaya," katanya.

APLIKASI ILMU PERAKAUNAN

Naquiuddin berkata, walaupun dirinya bergiat aktif dalam bidang pengucapan awam tapi ilmu perakaunan yang dipelajari tidak akan dilupakan dan akan terus dipraktikkan.

"Ini kerana setiap rakan kongsi syarikat yang ditubuhkan itu mempunyai kelebihan masing-masing dan saya yang belajar perakaunan ini bertanggungjawab untuk menjaga akaun syarikat.

"Walaupun sukar kerana kami semua masih baru tapi saya akan melakukan yang terbaik dengan mengaplikasikan semula apa dipelajari sepanjang tempoh belajar, katanya.

PERANCANGAN AKAN DATANG

Walaupun masih baru dalam dunia pengucapan awam, Naquiuddin yang berminat dalam perniagaan sejak bangku sekolah berhasrat untuk menceburi pelbagai bidang perniagaan serta bidang lain.

Menjadikan pakar motivasi muda, Amin Idris sebagai idola, Naquiuddin berhasrat ingin menjadi seperti Amin kerana kagum dengan penyampaian setiap hujahannya.

"Saya sering kali menonton videonya di YouTube untuk mempelajari dan meningkatkan mutu penyampaian saya.

"Selain itu, saya juga membabitkan diri dalam pelbagai kelas berkaitan supaya mendapat sijil khas dalam perundingan sebagai pengiktirafan terhadap diri dan syarikat," katanya.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

